

10/10/2001

Cara baru banteras keganasan wajar dicari: PM

LANGKAWI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan institusi penyelidikan terkemuka mencari sistem dan teknologi baru untuk membanteras keganasan.

Perdana Menteri berkata, ketika dunia berusaha mengenal pasti punca keganasan dan mencari jalan mengatasinya, sistem baru perlu dalam mengumpulkan maklumat risikan, termasuk penggunaan pekakasan elektronik dan kapasiti peninjauan baru serta gambar yang lebih tepat dari angkasa lepas.

Selain itu, katanya, perlu ada peralatan memasang telinga yang lebih sensitif, pengesanan awal bahan kimia beracun, pesawat kawalan jauh dan banyak lagi idea dan pekakasan baru.

Ini kerana konsep mengenai peperangan dan pertahanan berubah sejak serangan pegganas di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington pada 11 September lalu.

"Senjata konvensional nampaknya tidak lagi berguna. Tetapi kita masih perlu kekalkan senjata konvensional ini kerana kita masih percaya dengan pepatah lama bahawa untuk memastikan keamanan, kita perlu bersedia berperang.

"Kita mesti melengkapkan diri dengan senjata untuk menghalang musuh kita. Malangnya, ini tidak memadai dalam memerangi pegganas. Senjata dalam memerangi pegganas pastinya jauh berbeza," katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika merasmikan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, di sini hari ini.

Dalam kejadian 11 September lalu, dua daripada empat pesawat komersial yang dirampas merempuh WTC dan sebuah lagi di Pentagon. Pesawat keempat pula terhempas di Pennsylvania dan dianggarkan hampir 7,000 orang terbunuh.

Dr Mahathir berkata, dalam kejadian itu, pegganas menggunakan pesawat komersial yang membawa 83 tan bahan api untuk merempuh kedua-dua sasaran mereka.

"Ia bukan peluru berpandu yang kita ketahui, peluru berpandu canggih yang dikawal oleh radio dan laser milik kuasa besar yang kita percaya dapat menghalang dan bertindak balas segera terhadap sebarang serangan.

"Tetapi ia adalah pesawat yang dipandu juruterbang berani mati. Ia nampaknya lebih berkesan berbanding penggunaan peluru berpandu yang dikagumi dan digeruni itu," katanya.

Beliau berkata, pesawat komersial yang digunakan sebagai peluru berpandu bukan saja memusnahkan bangunan konkrit dan keluli, tetapi juga menyebabkan ekonomi terkuat di dunia itu terheret ke kancah kemelesetan yang belum pernah didengar.

"Cara hidup penduduk dunia juga berubah sejak saat pergolakan itu. Semua yang kita sudah biasa dengan cara hidup kita telah berubah dengan radikal," katanya.

(END)